

LAPORAN  
**TAHUNAN**  
**2023**

---

MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-56





# RMS Gold Wafer Korporat

Tempahan khas wafer atau dinar untuk pelanggan korporat.

Konsep dan reka bentuk mengikut pilihan pelanggan.

Promosi khas kepada syarikat dan badan syarikat.

Wafer seberat 1, 5 dan 10 gram.

Syiling emas seberat 0.25 gram dan dinar seberat 4.25 gram.

Mutu emas daripada emas 999.9 (24 karat).



# KANDUNGAN



05	Kata Aluan dari Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan	46	Laporan Lembaga Tahun 2023
06	Kata Aluan dari Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad	49	Laporan JKK Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
07	Kata Aluan dari Pengerusi Koperasi NSTP (M) Berhad	52	Laporan JKK Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan
08	Anggota Lembaga Koperasi NSTP (M) Berhad Sesi 2023/2024	54	Laporan JKK Kutipan, Ligitasi & Pengurusan Risiko
09	Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi NSTP (M) Berhad Sesi 2023/2024 dan Ketua Unit	57	Laporan JKK Komersil, Bisnes & Coopmart
10	Kakitangan Koperasi NSTP (M) Berhad	59	Laporan JKK Ar-Rahnu
11	Aktiviti Koperasi NSTP 2023	62	Laporan JKK Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi
27	Notis dan Agenda Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56	67	Lampiran A - Mesyuarat Agung Kawasan
28	Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55	68	Lampiran B - Senarai Nama Perwakilan layak hadir Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-56 & 57
44	Kehadiran Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55	69	Lampiran C - Kursus & Seminar Tahun 2023
		72	Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman 2023/2024
		75	Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2022
		78	Laporan Juruaudit Bebas
		83	Laporan Berkanun Anggota Lembaga
		85	Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023
		131	Anggaran Pendapatan & Perbelanjaan Tahun 2025

# MAKLUMAT KORPORAT

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD

(NO PENDAFTARAN: 4369)



## VISI

Menjadi 50 Koperasi Terbaik Malaysia pada Tahun 2030.

## MISI

01. Memantapkan amalan baik tadbir urus yang berkesan mengikut nilai, prinsip dan aturan koperasi berteraskan Modal Insan berprestasi tinggi melalui teknologi terkini;
02. Meningkatkan aktiviti ekonomi dengan mengembangkan perniagaan sedia ada dan menceburi perniagaan baru yang berimpak;
03. Mengekalkan kebajikan dan kemudahan anggota yang berorientasikan keperluan serta mewujudkan hubungan strategik dan usahasama di kalangan anggota dan masyarakat dalam menjalankan aktiviti koperasi.



MOTTO '**MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA**'



## AKTIVITI

- Pembiayaan kepada anggota
- Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu X'Change)
- Skim Perlindungan Diri & Keluarga
- Peruncitan
- Pelancongan
- Agen Pos Laju
- Pengurusan Acara dan Seminar.

## PEJABAT BERDAFTAR/IBU PEJABAT

31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur  
No. Tel : 03-22824647 No. Faks : 03-22826334  
Laman Web : <http://koopnstp.my>  
Emel : [admin@knstp.com.my](mailto:admin@knstp.com.my)  
Facebook : Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad  
Instagram : [koopnstp](https://www.instagram.com/koopnstp)

## ALAMAT CAWANGAN

01. **Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP**  
(Dataran Mentari)  
No. A-G-1, Blok A Arena, Mentari,  
Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari,  
46150 Petaling Jaya, Selangor  
No Tel : 03-56377277  
No Faks : 03-56377677
02. **Ar-Rahnu X'Change Koperasi NSTP**  
(Bandar Seri Putra)  
No. 26, Tingkat Bawah  
Jalan Seri Putra 1/2,  
Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor  
No Tel : 03-89259519  
No Faks : 03-56377677

## KATA ALUAN

**Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan**

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih  
dan Maha Penyayang*

*Assalamualaikum  
Warahmatullah Hiwabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.*

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya dan limpah kurnia-Nya, dapatlah saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengerusi dan Barisan Anggota Lembaga Pengarah Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi peluang kepada saya mengabdikan kata alu-aluan di dalam Buku Laporan Tahunan KNSTP 2023 sempena Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali Ke-56.

Syabas dan tahniah kepada Pengerusi serta barisan Anggota Lembaga KNSTP yang telah menjalankan amanah dan tanggungjawab selaras dengan kehendak Akta Koperasi. Saya amat teruja melihat kekuatan kerjasama yang ditunjukkan di kalangan Lembaga, anggota serta pengurusan KNSTP dalam meningkatkan tahap sosio-ekonomi koperasi bagi mengharungi landskap ekonomi yang mencabar dewasa ini.

Mesyuarat Agung Tahunan merupakan kuasa tertinggi dalam sesebuah Koperasi. Oleh itu, setiap perwakilan yang dilantik perlu mengambil peluang ini untuk berbincang dan merencanakan pelbagai strategi dan seterusnya mencapai keputusan yang konsensus demi kemajuan KNSTP di masa akan datang.

Barisan Ahli Lembaga, pengurusan dan ahli-ahli Koperasi juga perlu memperlengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan sentiasa mengikuti perkembangan terkini mengenai dunia perniagaan serta hal-hal berkaitan yang boleh membantu memajukan Koperasi. Saya mendoakan agar KNSTP akan terus berkembang maju dan merealisasikan



perancangan sepertimana yang dirancang serta sentiasa kekal bersaing.

Kami di pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia sentiasa bersedia membantu memberi bimbingan dan sokongan yang diperlukan oleh pihak KNSTP dari masa ke semasa. Saya doakan juga semoga KNSTP tersenarai sebagai 50 Koperasi Terbaik di Malaysia dengan sokongan dan dokongan semua ahli KNSTP.

Akhir kata, saya berharap dan memanjatkan doa agar Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KNSTP kali Ke-56 akan berlangsung dengan lancar dan jayanya.

Sekian, terima kasih

**HAJI EFENDEE O.P ANDU**  
**Pengarah**  
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia**  
**Cawangan Wilayah Persekutuan**  
15 Mei 2024

## KATA ALUAN

Yang Dipertua Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih  
dan Maha Penyayang*

*Assalamualaikum  
Warahmatullah Hiwabarakatuh  
dan Salam Sejahtera*

**T**erlebih dahulu ucapan terima kasih saya kepada pihak Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk memberikan sepatah dua kata di dalam Laporan Tahunan 2023 ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-56.

Saya selaku Yang Dipertua, amat berbangga dengan Pengurusan KNSTP terutama barisan Anggota Lembaga kerana berjaya mengekalkan prestasi dan meraih keuntungan bersih semasa pada tahun kewangan 2023. Diharap dengan perkembangan positif ini, ianya akan mengembalikan kepercayaan semua anggota kepada Pengurusan KNSTP sedia ada untuk terus menerajui dan memberi perkhidmatan yang terbaik.

Semua anggota disarankan untuk sentiasa menyokong setiap usaha yang diberikan dan menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh KNSTP.

Saya berharap barisan Anggota Lembaga KNSTP dan Pengurusan KNSTP melaksanakan segala pelan tindakan yang telah ditetapkan dalam Pelan Strategik 2030. Ini bertujuan supaya visi dan misi KNSTP tercapai.



Kepada para perwakilan sekalian, saya berharap anda dapat memanfaatkan kehadiran di Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ini dengan memberikan idea-idea baru dan pendapat yang bernas bagi memastikan matlamat dan hala tuju KNSTP tercapai.

Selamat Maju Jaya. Wassalam

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Ahmad Zaini Kamaruzzaman'.

**DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN**  
**Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad**

15 Mei 2024

## KATA ALUAN

Pengerusi Koperasi NSTP (Malaysia) Berhad

*Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih  
dan Maha Penyayang.*

*Assalamualaikum  
Warahmatullah Hiwabarakatuh  
dan Salam Sejahtera.*

**A**lhamdulillah, dengan rasa syukur ke hadrat Allah SWT serta restu-Nya, Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (KNSTP) berjaya mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-56 selaras kehendak Akta Koperasi 1993

Pada tahun kewangan 2023, KNSTP kembali menunjukkan peningkatan positif dimana memperoleh keuntungan bersih semasa. Pendapatan meningkat disebabkan oleh aktiviti pajak gadai Islam (Ar-Rahnu) yang kini menjadi sumber pendapatan utama KNSTP. Pada tahun 2023 juga, KNSTP telah menceburi aktiviti jual beli emas. Diharap aktiviti baru ini akan meningkatkan prestasi kewangan KNSTP setiap tahun.

Perkembangan positif dari tahun 2022 ke 2023 adalah hasil strategi yang telah digariskan oleh pengurusan KNSTP melalui Pelan Strategik 2030 yang dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2023.

Barisan Anggota Lembaga dan Pengurusan KNSTP akan berusaha lebih gigih dan memastikan pelan tindakan yang disediakan dilaksanakan sepenuhnya. Kerjasama dari semua pihak terutama sokongan dari perwakilan dan anggota amat diperlukan bagi memastikan ianya tercapai.

Setinggi penghargaan diucapkan kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengarang Urusan Kumpulan The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (NSTP) selaku Yang Dipertua KNSTP, Pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Allianz General Insurance Company Berhad, Sunlife Assurance Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd, Media Travel & Holidays Sdn Bhd atas kerjasama dan sokongan yang diberikan.



Ucapan penghargaan juga diberikan kepada Haji Efendee O.P Andu, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Cawangan Wilayah Persekutuan atas sokongan dan khidmat nasihat yang diberikan.

Selamat bermesyuarat kepada semua perwakilan KNSTP. Semoga MAPT kali ini dapat membuka lebih banyak ruang bagi kita untuk menabur khidmat bakti kepada koperasi yang kita cintai.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum wrt.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

**MOHD FADZIL HJ ABDUL GHANI**

Pengerusi

15 Mei 2024

# ANGGOTA LEMBAGA

SESI 2023/2024



MOHD FADZIL  
HJ ABDUL GHANI  
*Pengerusi*



ABDUL  
FAHIM LLIN  
*Setiausaha*



FAZLEESHAM  
MOHD YUNUS  
*Bendahari*



BAHARUDDIN  
ISHAK  
*Pen. Setiausaha*



AHIMAD  
SHUKFRAN  
HJ MOHAMED  
SALLEH  
*Pen. Bendahari*



KHAIRI  
ABDUL KHALID  
*Anggota Lembaga*



KHAIRUZZAMAN  
MOHAMMAD  
*Anggota Lembaga*



SALEHUDIN  
SHAH SHABUDIN  
*Anggota Lembaga*



MOHAMAD WAFI  
MOHAMAD AROF  
*Anggota Lembaga*



KAMARULZAMAN  
MOHD SALLEH  
*Anggota Lembaga*



AHMAD  
NIZAM EUSOF  
*Anggota Lembaga*



MOHD HIDZIR  
MD ISMAIL  
*Anggota Lembaga*



## JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN 2023/24



**Dari kiri:**

*Mohd Rizan Akmar Taharuddin, Mohd Hafiz Mohamad Ghazali (Pengerusi JKAD),  
Mohd Rizal Saari, Nor Azmi Ali, Shukor Hj Othman.*

## KETUA UNIT



**Dari kiri:**

*Amir Mat Kupli (Pengurus Operasi), Rodziah Jamaah (Pengurus Besar),  
Azlina Ibrahim (Eksekutif Kanan Pentadbiran dan Modal Insan),  
Ridzwan Ahmad (Pengurus Perhubungan Awam dan Hartanah).*

## KAKITANGAN IBU PEJABAT 2023/24



**Dari kiri:**

*Nur Khairul Azree Hanim Mohd Rasidi, Nor Khairina Leela Nasaruddin, Nor Amiza Azizi, Noorhazifah Mohd Aminoor, Abdul Syahid Abd Mutalib, Ismadi Ismail.*

## KAKITANGAN AR-RAHNU X'CHANGE



**Dari kiri:**

*Ramona Halmi, Sitti Baizurah Ab Hassad, Siti Saleha Mohamad (Ketua Cawangan Dataran Mentari), Mohamad Aiman Roselee, Ainin Sofea Abd Basid (Ketua Unit Ar Rahnu), Muhamad Zulhairi Zaharuddin (Ketua Cawangan Bandar Seri Putera), Fatin Nabilah Kamarul Baharin, Norsyahira Abdul Aziz.*

# AKTIVITI KOPERASI NSTP

Tahun 2023



## MAJLIS APRESIASI KNSTP - 31 Januari 2023



Koperasi telah mengadakan majlis penghargaan kepada anggota setia menjadi ahli koperasi lebih dari 35 tahun, Carum dan Menang bagi anggota yang menambah caruman dan Cabutan Bertuah kepada mereka yang mengambil insurans kenderaan di koperasi.

penghargaan. Seramai 7 anggota menerima anugerah tersebut.

Cabutan Bertuah Insurans untuk menghargai individu yang memperbaharui insurans dan cukai jalan bersama koperasi.



Meraikan anggota setia lebih dari 35 tahun. Setiap anggota menerima tambahan modal syer RM200 dan plak cenderahati sebagai tanda

Kempen Carum & Menang pada tahun 2022, di mana anggota digalakkan menambah modal yuran selama 6 bulan untuk simpanan masa depan.



Majlis tersebut dirasmikan oleh Yang Dipertua Koperasi NSTP, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, dengan kehadiran Pengerusi Koperasi NSTP, En. Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani, anggota lembaga, dan warga kerja Koop NSTP.



Kaunter Buku Simpanan Emas dan Pre-Love

## HARI BERSAMA ANGGOTA

Pembukaan Kaunter Khidmat Pelanggan setiap bulan

Koperasi membuka kaunter setiap bulan yang bertujuan untuk memberi penerangan dan memperkenalkan perkhidmatan koperasi kepada anggota. Selain dari tu koperasi juga menjemput pembekal-pembekal koperasi seperti pembekal barangan pengguna, Hibah, pelancongan dan Insurans bagi tujuan yang sama.

1. Kaunter urusan keanggotaan dan insurans.
2. Kaunter Barangan Pengguna.
3. Kaunter Pelancongan.
4. Kaunter Hibah, Wasiat dan pusaka.





## PROGRAM RAMADAN 2023

### AGIHAN BUBUR LAMBUK DI NSTP BANGSAR DAN SRI PENTAS

Acara tahunan koperasi menyantuni anggota sempena bulan Ramadan.



## SUMBANGAN TAJAAN MAJLIS BERBUKA PUASA

19 April 2023

Pada bulan Ramadan juga, Koperasi menaja sehari juadah berbuka puasa di Surau Balai Berita, Bangsar, Kuala Lumpur, Sri Pentas, Bandar Utama dan Print Tower di Prai, Pulau Pinang.



# EDARAN TEMPAHAN DAGING SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI

19 April 2023

Bagi memudahkan anggota mendapatkan daging segar bagi menyambut Hari Raya Aidilfitri dengan harga yang berpatutan.





## SESI BERSAMA ANGGOTA NSTP PRAI

17 Julai 2023

Pertemuan untuk memberi maklumat berkenaan baki caruman dan skim pembiayaan anggota.



## KEBAJIKAN

Koperasi juga berperanan menjaga kebajikan anggota dan keluarga menerusi Tabung Kebajikan dan Khairat Kematian.



*Menyerahkan sumbangan manfaat penyakit kronik kepada Sdr Zolkefli Hamzah (dua dari kanan) pada Jun 2023.*




*Menyerahkan sumbangan khairat kepada waris Arwah Zulfakar Wahib (Mantan Setiausaha Koperasi NSTP) pada Februari 2023. Sumbangan diserahkan oleh Pengerusi Koperasi NSTP, Encik Mohd Fadzil Bin Hj Abdul Ghani kepada anak arwah, Puan Ameira Binti Zulfakar.*



## ANUGERAH KECEMERLANGAN PENDIDIKAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM) PADA TAHUN 2022 KEPADA ANAK ANGGOTA


Penghargaan KNSTP kepada anak anggota yang cemerlang dalam pendidikan. KNSTP mengucapkan tahniah kepada penerima anugerah. Seramai 3 orang anak anggota telah berjaya menerima anugerah.



Siti Maisarah Hamidon  
(Wakil Bapa) 11A



Jessica Chen Cai Jee  
9A



Iman Maisarah Zuraimi  
9A

Program

## PRINSIP KOPERASI KE-6 : KERJASAMA ANTARA KOPERASI

Koperasi NSTP telah mengadakan sesi kerjasama dengan koperasi lain.



03 Februari 2023 - Sesi perbincangan berkenaan pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi (ADK) antara Koperasi Kakitangan Bank Rakyat (Sekata Rakyat), Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad (Knstp) dan Koperasi Kakitangan Bank Muamalat Berhad (Koputra) telah diadakan di pejabat Sekata Rakyat.



14 Februari 2023 – Sesi lawatan ke Kedai Ar-Rahnu, Koperasi Tenaga Nasional Berhad (Kop TNB) telah diadakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkenaan aturan, prosidur dan proses pelaksanaan Buku Simpanan Emas yang ditawarkan Kop TNB kepada anggota dan masyarakat umum.



## BENGGEL SUMBANG SARAN “PENGURUSAN STRATEGIK” 5 TAHUN KNSTP

11 & 12 Februari 2023 - Koperasi NSTP telah mengadakan program sumbang saran bertemakan “Pengurusan Strategik” di Century Pines Hotel, Cameron Highlands, Pahang. Objektif bengkel ini bertujuan untuk membincangkan Pengurusan Strategik Koperasi NSTP untuk tempoh 5 tahun 2023-2027.



## Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan ke-55 Theatrette, NSTP, Bangsar 25 Jun 2023

Sebagai usaha wajar dalam gerakan koperasi, Koperasi NSTP perlu mengadakan Mesyuarat Agung setiap tahun. Seramai 27 perwakilan telah hadir bagi menjalankan tanggungjawab mereka. Mesyuarat ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Koperasi NSTP, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman. Turut hadir adalah Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah persekutuan, Puan Norzilawati Daud.





Pembentangan oleh Exco KNSTP





## PELANCARAN KNSTPGOLD

25 Jun 2023 - Koperasi New Straits Times Press (M) Berhad telah melancarkan produk yang dinamakan KNSTPGOLD iaitu pelaburan emas secara digital dan fizikal melalui Buku Simpanan Emas.



Pelancaran telah dilakukan oleh Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, selaku Yang Dipertua Koperasi NSTP semasa Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55 di Theatrette, NSTP, Bangsar.

Turut hadir Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Puan Norlizawati Daud.





## SUMBANG SARAN KAKITANGAN SMART PERSONALITI - BANGKIT POTENSI UBAH PERSEPSI


19 Ogos 2023 – Kakitangan Koperasi NSTP telah menghadiri kursus *Smart Personality* bertemakan “Bangkit Potensi UbaH Persepsi” di Ideas Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh Encik Zainuddin Ali.





## KNSTP MENGANJURKAN BENGKEL MEWARNA UNEH

25 Ogos 2023 - Koperasi NSTP telah mengadakan Bengkel Mewarna Bersama UNEH atau nama sebenar Hasren Ismail (Baju T-Hijau) di Masjid Al-Husna, Bandar Sunway. Bengkel sama diadakan di Masjid Bandar Seri Putera, Bangi pada 27 Mei 2023.







## KNSTP SERTAI PASAR SELOKA MEDIA PRIMA BERHAD

27 & 28 November 2023 – Pasar Seloka adalah program anjuran Kelab Media Prima bersama Jabatan Sumber Manusia Media Prima Berhad.



# KNSTP SERTAI RIADAH SANTAI BOWLING BERSAMA GERAKAN KOPERASI WILAYAH PERSEKUTUAN



12 Disember 2023 - Program Riadah Santai Bowling Gerakan Koperasi Wilayah Persekutuan telah diadakan di Wangsa Bowl, One Utama. Pengarah SKM Wilayah Persekutuan, Tuan Hj Efendee O.P Andu telah merasmikan program.



# NOTIS DAN AGENDA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-56

DIBERITAHU, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56 akan diadakan pada Ahad, 23 Jun 2024 jam 9.30 pagi di Ideas Kuala Lumpur, 12, Jalan Raja Laut, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur.

## AGENDA MESYUARAT

1. Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55.
2. Melantik 10 orang jawatankuasa untuk menentusah draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56 yang harus terdiri daripada:  
Empat (4) - Anggota Lembaga      Enam (6) - Perwakilan
3. Pemilihan empat (4) orang Anggota Lembaga tamat tempoh jawatan.
4. Menerima dan meluluskan:
  - a) Laporan Lembaga Bagi Tahun 2023.
  - b) Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2023/2024.
  - c) Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.
  - d) Pandangan Suruhanjaya Ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir Pada 31 Disember 2022.
5. Menerima dan meluluskan
  - a) Pindaan Aturan Skim Pembiayaan Pendidikan
  - b) Cadangan Yuran Proses Skim Pembiayaan & Pengeluaran Modal Yuran
6. Mengesahkan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi Tahun 2025.
7. Melantik Juruaudit Luar bagi Tahun 2024 dari senarai berikut :-
  - i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant
  - ii) Kamal Zahari & Co
  - iii) A Razak & Co
  - iv) Hisham & Co Chartered Accountants
8. Memberi kuasa kepada Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.
9. Memberi kuasa kepada Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang lebihan Koperasi.
10. Menimbangkan usul-usul dan lain-lain perkara di mana notis telah diberikan secara bertulis sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-56.



**ABDUL RAHIM LLIN**

Setiausaha  
5 Jun 2024

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD  
31 JALAN RIONG, 59100 KUALA LUMPUR. (No. Pendaftaran: 4369)

### MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE - 55

TARIKH : 25 JUN 2023 (6 ZULHIJAH 1444H)  
MASA : 9:30 PAGI - 12:55 TENGAHARI  
TEMPAT : DEWAN TEATER (THEATRETTE)  
THE NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD  
31, JALAN RIONG  
59100 KUALA LUMPUR

#### HADIR

Pengerusi : Sdr. Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani  
Setiausaha : Sdr. Abdul Rahim Llin  
Bendahari : Sdr. Fazleesham Mohd Yunus  
Penolong Setiausaha : Sdr. Baharuddin Ishak  
Penolong Bendahari : Sdr. Ahmad Shukran Hj. Mohamed Salleh  
Anggota Lembaga : Sdr. Khairuzzaman Mohammad  
: Sdr. Salehudin Shah Shabudin  
: Sdr. Khairi Abdul Khalid  
: Sdr. Ahmad Nizam Eusoff  
: Sdr. Kamarulzaman Mohd Salleh

Perwakilan : 14 orang (rujuk senarai kehadiran)

#### TURUT HADIR

Yang Dipertua : Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman

Penolong Pengarah : Pn. Norlizawati Daud  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan

Pegawai Penyelia : Pn. Nurhafiza Abdul Wahab  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Cawangan Wilayah Persekutuan

Juruaudit Luar : Sdr. Amir Faiz Rosni  
Hisham & Co, Chartered Accountants

Pengurus Besar : Pn. Rodziah Jama'ah

Kakitangan : 8 orang (rujuk senarai kehadiran)

#### TIDAK HADIR

Perwakilan : 6 orang (rujuk senarai kehadiran)

## KATA-KATA ALUAN PENGACARA MAJLIS

Sdri. Ainin Sofea Abdul Basid (n.a 9849) selaku pengacara majlis mengalu-alukan kehadiran semua perwakilan dan tetamu kehormat iaitu Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad (KNSTP), Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) Wilayah Persekutuan (WP), Pn. Nurhafiza Abdul Wahab, Pegawai Penyelia, SKM WP dan Sdr. Amir Faiz Rosni, wakil Hisham & Co, Juruaudit Luar ke Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan (MAPT) Ke-55 yang berlangsung di Dewan Teater (Theatrette), NSTP Bangsar.

## BACAAN DOA SELAMAT

Sebelum mesyuarat dimulakan, Sdr. Kamaruzzaman Mohd Salleh (n.a 8771) membacakan doa selamat.

## NYANYIAN LAGU NEGARAKU, KECEMERLANGAN KOPERASI DAN SINAR KOPERASI

Semua perwakilan, kakitangan dan tetamu kehormat berdiri untuk menyanyikan lagu Negaraku, Kecemerlangan Koperasi dan Sinar Koperasi.

## UCAPAN Pengerusi KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengerusi Koperasi, Sdr. Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani (n.a 6456) mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, Anggota Lembaga (ALK), Jawatankuasa Audit Dalam (JKAD), semua perwakilan dan kakitangan koperasi.

### Petikan daripada ucapan Pengerusi :

Saya bersyukur ke-hadrat Allah SWT dengan limpah kurnia dan izinNya, dapat kita bersama-sama berhimpun untuk menjayakan MAPT Ke-55.

Terima kasih diucapkan kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman selaku Yang Dipertua KNSTP kerana sudi hadir pada hari ini untuk merasmikan MAPT KNSTP. Pada tahun 2023, MAPT diadakan di NSTP Bangsar berbanding tahun sebelumnya iaitu diadakan di luar kawasan Kuala Lumpur.

Tahun 2022 agak suram dan malap kerana KNSTP kehilangan ALK yang komited iaitu Allahyarham Kamaruzzaman Pid, Zulfakar Wahib dan mantan ALK, Hashim Kamaruddin. Komitmen mereka sebagai ALK sehingga akhir hayat amat dihargai. Didoakan usaha murni mereka akan diteruskan oleh barisan ALK seterusnya.

Dari segi prestasi kewangan pada tahun 2022, pendapatan meningkat sebanyak empat peratus (4%) dari RM3 juta ke RM3.1 juta. Walaubagaimanapun, KNSTP mengalami kerugian sebanyak RM87,502 disebabkan faktor caj kewangan yang tinggi. Ianya disebabkan isu teknikal dari pihak bank dan pembayaran caj pembiayaan tertunggak moratorium selama enam (6) bulan pada tahun 2021 yang perlu dibayar sepenuhnya pada tahun 2022. Walaubagaimanapun, keuntungan terkumpul masih mencukupi untuk meneruskan perniagaan.

Tidak dapat dinafikan, salah satu punca utama adalah kemerosotan bilangan anggota iaitu menurun dari 2,100 ke 1,300. Modal syer telah menurun sebanyak RM5.67 juta untuk tempoh lima (5) tahun. Penurunan ini menyebabkan modal dalaman berkurangan dan KNSTP terpaksa mengambil pembiayaan dari institusi kewangan luar. Sebagai alternatif KNSTP dalam proses memohon Tabung Modal Pusingan (TMP) dengan SKM untuk kegunaan modal pusingan aktiviti perniagaan.

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

Dalam memastikan KNSTP kembali memperoleh keuntungan, pelan strategi telah dirancang untuk tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun akan datang. Khidmat nasihat telah diperolehi dari konsultan yang berpengalaman. Antara pelan strategi adalah seperti berikut :-

- a) Aturan Skim Pembiayaan dikaji semula. Contoh : Skim Pembiayaan Kecemasan, Skim Pembiayaan Tunai Segera dan Skim Pembiayaan Perlindungan Kenderaan ditambah baik.
- b) Mengubah perspektif anggota dimana menggalakkan simpan dan melabur berbanding meminjam sahaja. Buku Simpanan Emas akan diperkenalkan bagi tujuan ini.
- c) Aktiviti pengurusan acara akan diaktifkan semula. Contoh : Bengkel Mewarna Uneh yang telah diadakan di Masjid Bandar Seri Putra dan mendapat sambutan. Acara lain juga akan diadakan berdasarkan kepakaran yang dimiliki oleh KNSTP.
- d) Kerjasama pakej pelancongan dengan syarikat Bersekutu iaitu Media Travel Sdn Bhd.
- e) Menceburi bidang perniagaan francais yang sesuai.

Setiap tahun, empat (4) ALK akan gugur. Pada tahun ini, empat (4) calon telah menawarkan diri untuk menjadi ALK. Oleh itu, tiada pengundian dijalankan.

Diharap pada tahun 2023, semua perwakilan memberi kerjasama dan sentiasa membantu KNSTP dengan menarik minat ramai kakitangan untuk menjadi anggota.

Akhir kata, sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman dan Pn. Norlizawati Daud dari SKM WP di atas kerjasama dan nasihat yang diberikan. Penghargaan juga kepada pengurusan Media Prima Berhad dan syarikat yang bernaung dibawahnya, pengurusan dan pentadbiran KNSTP dan perwakilan yang telah menunjukkan komitmen demi menjayakan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-55. Semoga KNSTP masih kekal dan maju di masa akan datang.

## UCAPAN YANG DIPERTUA KOPERASI NSTP

Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Yang Dipertua KNSTP mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat, semua perwakilan terutama ALK.

### Petikan daripada ucapan Yang Dipertua Koperasi NSTP

Saya merujuk kepada lirik lagu "Kecemerlangan Koperasi". ALK, perwakilan, pengurusan dan anggota perlu menghayati lirik lagu tersebut yang menaikkan semangat berkoperasi.

Selaku Yang Dipertua, sokongan padu sentiasa diberikan dalam memajukan KNSTP. Antaranya, NSTP telah menggunakan khidmat Media Travel Sdn Bhd berbanding agensi pelancongan lain untuk tempahan tiket kapal terbang dan penginapan hotel .

Cadangan strategi yang boleh dilaksanakan oleh KNSTP adalah :-

- a) Kempen keanggotaan perlu agresif - sediakan poster khas dan email kepada semua kakitangan Media Prima Berhad;
- b) Mengembangkan perniagaan sedia ada;
- c) Menceburi perniagaan baru seperti produk kecantikan dan kesihatan;
- d) Menceburi sektor hartanah untuk sewaan dan homestay;
- e) Perniagaan Produk Emas serendah belian RM10. Contoh : AKOGold dari Angkasa

Bagi menaikkan semula prestasi kewangan KNSTP, tiga (3) tahun pelan perancangan perlu disediakan dan pengurusan perlu memastikan perancangan dijalankan mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Diharap kewangan KNSTP tidak akan terus rugi kerana ini akan mengakibatkan ramai anggota akan berhenti dan mengeluarkan wang caruman serta melabur di tempat lain.

Akhir kata, ucapan terima kasih atas jemputan. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya selaku Yang Dipertua KNSTP merasmikan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi NSTP (M) Berhad kali ke-55 ini.

### VIDEO AKTIVITI BAGI TAHUN 2022

Video Aktiviti KNSTP bagi tahun 2022 ditayangkan kepada semua yang hadir.

### PELANCARAN KNSTPGOLD

Produk KNSTPGOLD dilancarkan dengan sesi penyerahan cenderahati berupa 1 gram Gold Bar bernombor siri KNSTP 01 0001 kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman selaku Yang Dipertua KNSTP. Cenderahati disampaikan oleh Sdr. Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani selaku Pengerusi KNSTP.

### PEMILIHAN PENERUSI MESYUARAT

Sdri. Ainin Sofea Abdul Basid (n.a 10181) merujuk kepada UUK Fasal 34(1), di mana ianya menyatakan bahawa “Pengerusi Koperasi hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung perwakilan dan sekiranya pengerusi tidak hadir, anggota lembaga yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan itu hendaklah mempengerusikan mesyuarat agung tersebut.” Oleh kerana, Sdr. Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani (n.a 6456), Pengerusi KNSTP hadir, maka beliau akan mempengerusikan mesyuarat ini.

### KENYATAAN KORUM

Sdr. Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani (n.a 6456) selaku pengerusi mesyuarat memaklumkan bahawa menurut Undang-undang Kecil Koperasi (UUK) Fasal 30(1) “Korum mesyuarat agung perwakilan yang diperlukan adalah satu pertiga dari jumlah perwakilan”. Keseluruhan perwakilan adalah tiga puluh (30) orang.

Di AGM Ke-55, ada agenda Cadangan Pindaan Undang-undang, Maka, korum diperlukan adalah dua pertiga (2/3). Oleh itu, korum dari tiga puluh (30) orang adalah dua puluh (20) orang. Kehadiran pada hari ini adalah dua puluh empat (24) orang iaitu enam (6) orang tidak dapat hadir atas sebab kesihatan dan masalah peribadi. Berdasarkan jumlah kehadiran, ianya telah melebihi dari korum yang diperlukan, maka mesyuarat boleh dijalankan.

### PEMILIHAN PENCATAT MINIT

Bagi memenuhi tatacara mesyuarat, pengerusi memohon cadangan bagi pemilihan dua (2) pencatat minit. Beliau mencadangkan dua (2) pencatat minit adalah Pn. Rodziah Jama'ah (n.a 6768) dan Sdri. Ainin Sofea Abdul Basid (n.a 9849) serta diselia oleh Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261), Setiausaha KNSTP.

Keputusan : Pemilihan dua (2) pencatat minit untuk Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55 dicadangkan dan disokong oleh semua perwakilan.

Dengan pelantikan pengerusi mesyuarat dan pemilihan dua (2) pencatat minit, Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55 dimulakan.

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

### DIBENTANG DAN DIBINCANGKAN

#### **AGENDA 1 : MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-54**

Pengerusi membentangkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-54. (Rujuk Laporan Tahunan 2022 muka surat 22 – 41). Beliau memaklumkan bahawa minit ini telah disahkan oleh Jawatankuasa Penentusah Minit yang telah dilantik.

Dicadang oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

Disokong oleh : Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali (n.a 8424).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-54.

#### **AGENDA 2 : MELANTIK 10 ORANG JAWATANKUASA UNTUK MENENTUSAH DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55 YANG TERDIRI DARIPADA :- EMPAT (4) ORANG : ANGGOTA LEMBAGA ENAM (6) ORANG : PERWAKILAN**

Pengerusi mencadangkan supaya empat (4) orang Anggota Lembaga sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55 akan ditentukan oleh Anggota Lembaga di mesyuarat lembaga pertama. Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) menyokong cadangan tersebut.

Pencalonan untuk enam (6) orang perwakilan sebagai Jawatankuasa untuk Menentusah Draf Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55 adalah seperti berikut :-

Cadangan pertama : Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370)

Dicadang oleh : Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin (n.a 10117)

Disokong oleh : Sdr. Nazrul Affendi Che Ibrahim (n.a 9931)

Cadangan kedua : Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin (n.a 10117)

Dicadang oleh : Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370)

Disokong oleh : Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077)

Cadangan ketiga : Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

Dicadang oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995)

Disokong oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488)

Cadangan keempat : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995)

Dicadang oleh : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Disokong oleh : Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619)

Cadangan kelima : Sdr. Nazrul Affendi Che Ibrahim (n.a 9931)

Dicadang oleh : Sdr. Mohd Rizal Shaari (n.a 8772)

Disokong oleh : Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077)

Cadangan keenam : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839)

Dicadang oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

Disokong oleh : Sdr. Ahmad Nizam Eusoff (n.a 5660)

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya cadangan ditutup. Disokong oleh Sdr. Nazrul Affendi Che Ibrahim (n.a 9931).

Keputusan: Dengan cadangan di atas, mesyuarat sebulat suara melantik enam (6) orang perwakilan seperti nama di atas sebagai Jawatankuasa Menentusah Minit Ke-55.



**AGENDA 3 : PEMILIHAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA TAMAT TEMPOH JAWATAN**

Pengerusi memaklumkan bahawa Anggota Lembaga yang telah tamat tempoh jawatan mengikut Undang-Undang Kecil 37 Fasal (1) pada tahun ini adalah seperti berikut:-

1. Allahyarham Zulfakar Wahib (n.a 3220)
2. Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261)
3. Sdr. Salehuddin Shah Shabudin (n.a 4488)
4. Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270)

**SENARAI CALON UNTUK JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA**

Pengerusi memaklumkan bahawa koperasi hanya menerima empat (4) pencalonan untuk jawatan Anggota Lembaga iaitu:-

1. Sdr. Abdul Rahim Llin (n.a 5261)
2. Sdr. Salehuddin Shah Shabudin (n.a 4488)
3. Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270)
4. Sdr. Kamarulzaman Salleh (n.a 8771)

Semua calon di atas telah diberi peluang selama dua (2) minit untuk memperkenalkan diri dan menyatakan wawasan mereka untuk koperasi.

Keputusan: Mesyuarat sebulat suara bersetuju memilih empat (4) calon di atas dengan keputusan menang tanpa bertanding.

**PENYERAHAN SIJIL PERLANTIKAN & BACAAN IKRAR**

Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah SKM WP menyerahkan sijil perlantikan kepada mereka.

Empat (4) Anggota Lembaga sesi 2023/2024 yang baru dilantik membaca ikrar di hadapan semua perwakilan.

**AGENDA 4 : MENERIMA DAN MELULUSKAN LAPORAN**

**a) LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2022**

Pengerusi membentangkan Laporan Lembaga Bagi Tahun 2022. Laporan ini termasuk Laporan Jawatankuasa Kecil yang terdiri daripada :-

- a. Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
- b. Jawatankuasa Pembiayaan, Khidmat Pelanggan & Skim Perlindungan
- c. Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d. Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart
- e. Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f. Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Rujuk Laporan Tahunan 2022 ( muka surat 42 - 67).

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

- Dicadang oleh : Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).  
Disokong oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839).  
Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Lembaga bagi Tahun 2022.

### b) LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN BAGI SESI 2022/2023

Pengerusi membentangkan Laporan Jawatankuasa Audit Dalam sesi 2022/2023. Rujuk Laporan Tahunan 2022 (muka surat 68 – 71).

- Dicadang oleh : Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619).  
Disokong oleh : Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692).  
Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Jawatankuasa Audit Dalaman Bagi Sesi 2022/2023.

### c) LAPORAN JURUAUDIT LUAR DAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270) selaku Bendahari KNSTP membentangkan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022. Rujuk Laporan Tahunan 2022 (muka surat 76 - 125).

Ringkasan keseluruhan prestasi kewangan adalah seperti berikut :-

BUTIRAN	TAHUN 2022	TAHUN 2021	PENINGKATAN / (PENURUNAN)	PERATUS % NAIK / (TURUN)
Pendapatan	3,148,499	3,027,612	120,887	4%
Perbelanjaan	3,236,001	2,608,400	627,601	24%
Keuntungan Bersih	(87,502)	419,212	(506,714)	(121%)

#### KESIMPULAN :

Walaupun pendapatan meningkat, perbelanjaan telah meningkat dengan kadar yang tinggi disebabkan caj pembiayaan Bank Rakyat semasa proses pertukaran “Flexi Loan” RM8 juta kepada “Cash Line” sebanyak RM13 juta. Ini menyebabkan KNSTP mengalami kerugian sebanyak RM87,502 pada tahun kewangan 2022.

Dalam usaha mengurangkan perbelanjaan, KNSTP telah menutup operasi perniagaan pos laju di Saville Kajang kerana margin keuntungan yang rendah berbanding dengan kos operasi. Selain itu, apabila kakitangan berhenti, KNSTP tidak mengambil kakitangan baru dan hanya menggunakan tenaga kerja sedia ada sahaja.

KNSTP juga akan menjalankan perniagaan baru bagi meningkatkan pendapatan seperti pengurusan acara dan jual beli emas fizikal dan digital.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) mendapati, pendapatan meningkat disebabkan aktiviti Ar-Rahnu. Beliau memohon kepastian, samada aktiviti pembiayaan kepada anggota masih menjadi keutamaan.

Bendahari memaklumkan bahawa aktiviti kredit kepada anggota masih diteruskan kerana masih ada permintaan kecuali Skim Pembiayaan Peribadi dengan amaun besar. Dalam masa yang sama, KNSTP akan mengenalpasti perniagaan baru yang lain.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) memohon maklum balas berkenaan belanja elaun Jawatankuasa Audit Dalaman yang tinggi pada tahun 2022 berbanding tahun 2021.

Bendahari memaklumkan bahawa pada tahun 2022, pengauditan telah dijalankan mengikut jadual iaitu setiap bulan. Berbanding pada tahun 2021, pengauditan tidak dapat dijalankan kerana Perintah Kawalan Pergerakan.

Sdr. Nor Azmi Ali (n.a 6077) merujuk Laporan Tahunan 2022, muka surat 122 (Nota Kos atas Jualan), didapati salah cetak dimana keduanya adalah tahun 2022 dan sepatutnya 2022 dan 2021.

Bendahari maklum tentang tersebut.

Dicadang oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886).

Disokong oleh : Sdr. Mohd Hafiz Mohamad Ghazali (n.a 8424).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Laporan Juruaudit Luar dan Penyata Kewangan Bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022.

**d) PANDANGAN SURUHANJAYA KE ATAS AKAUN-AKAUN DAN KUNCI KIRA-KIRA KOPERASI BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Pengerusi membentangkan Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir 31 Disember 2021. Rujuk Laporan Tahunan 2021 (muka surat 72 - 75)

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara menerima Pandangan Suruhanjaya ke atas Akaun-akaun dan Kunci Kira-kira Koperasi Berakhir pada 31 Disember 2021.

**AGENDA 5 : MENERIMA DAN MELULUSKAN PINDAAN UNDANG-UNDANG KECIL KOPERASI NSTP**

**a) FASAL AKTIVITI 9 (1)**

Pengerusi memaklumkan Pindaan Undang-Undang Kecil Koperasi NSTP adalah untuk Fasal Aktiviti 9(1). Rujuk Buku Lampiran muka surat 1 - 3.

Tujuan pindaan adalah untuk membolehkan KNSTP menceburi semua aktiviti seperti industri pertanian, pemborongan dan peruncitan apabila ada peluang.

Dicadang oleh : Sdr. Shukor Hj Othman (n.a 2502).

Disokong oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju Pindaan Undang-undang Kecil diatas.

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

### b) FASAL YURAN 56

Pengerusi mencadangkan supaya Undang-undang Kecil Fasal Yuran 56 dipinda. Cadangan adalah anggota 'aktif sambung' dan ahli keluarga tidak diwajibkan untuk membayar modal yuran sebanyak lima puluh ringgit (RM50) setiap bulan. Ini bertujuan untuk mengekalkan keanggotaan dan mempromosikan keanggotaan kepada bekas kakitangan.

Butiran pindaan akan diperhalusi dan akan merujuk kepada SKM semasa proses permohonan.

Sdr Roslan Baharuddin (n.a 1979) amat menyokong cadangan ini kerana beliau telah menyuarakan cadangan ini setiap tahun.

Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692) bertanya, adakah pindaan UUK ini akan merugikan Koop NSTP.

Pengerusi menjelaskan ianya tidak merugikan, malah mengelakkan anggota berhenti KNSTP.

Walaubagaimanapun, setiap anggota perlu mengekalkan modal syer sebanyak satu ribu ringgit (RM1,000). Sekiranya gagal, ALK KNSTP berhak untuk mengugurkan keanggotaan.

Dicadang oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

Disokong oleh : Sdr. Muhammad Asyadi Omar (n.a 7692).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju Pindaan Undang-undang Kecil tersebut.

## AGENDA 6 : MENERIMA DAN MELULUSKAN

### a) PINDAAN ATURAN SKIM PENGELUARAN CARUMAN

Setiausaha membentangkan Pindaan Aturan Skim Pengeluaran Caruman. Rujuk Buku Lampiran muka surat 4 - 6.

Tujuan pindaan adalah untuk kebaikan anggota dan seterusnya anggota akan meneruskan keanggotaan di KNSTP.

Dicadang oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).

Disokong oleh : Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Pindaan Aturan Skim Pengeluaran Caruman.

### b) PINDAAN ATURAN TABUNG KEBAJIKAN AM

Setiausaha membentangkan Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am. Rujuk Buku Lampiran muka surat 7 - 16.

Pn. Dauza Umat (n.a 4886) memohon pencerahan samada sumbangan hadiah menyambut anak baru adalah untuk anak kali pertama sahaja atau setiap anak.

Setiausaha memaklumkan bahawa sumbangan diberi atas kelahiran setiap anak. Manfaat ini diberi kepada ALK, JKAD dan kakitangan sahaja.

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

- Dicadang oleh : Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370).  
Disokong oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md. Ismail (n.a 4995).  
Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Pindaan Aturan Tabung Kebajikan Am.

### **c) PINDAAN ATURAN SKIM PEMBIAYAAN**

Setiausaha membentangkan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan.

Rujuk Buku Lampiran muka surat 17 - 31.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya Skim Pembiayaan Tunai Segera RM600 dinaikkan lagi. Contoh : RM700. Ini bertujuan untuk kebaikan anggota.

Setiausaha menyatakan bahawa cadangan kenaikan setiap skim pembiayaan telah dikaji oleh Anggota Lembaga dan mendapati amaun RM600 adalah bersesuaian.

- Dicadang oleh : Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979).  
Disokong oleh : Sdr. Mohd Rizan Akmar Taharuddin (n.a 10117).  
Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Pindaan Aturan Skim Pembiayaan.

### **d) ATURAN SKIM PEMBIAYAAN KEUSAHAWANAN**

Setiausaha membentangkan Aturan Skim Pembiayaan Keusahawanan. Rujuk Buku Lampiran muka surat 32 - 33.

Beliau menjelaskan bahawa cagaran yang diterima adalah tanah dan rumah hak milik peminjam sepenuhnya. Cagaran seperti motosikal tidak boleh digunakan kerana nilai akan susut setiap tahun. Rumah yang masih dibiayai oleh bank juga tidak dibenarkan.

- Dicadang oleh : Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619).  
Disokong oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488).  
Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Aturan Skim Pembiayaan Keusahawanan.

### **e) ATURAN KUMPULAN WANG PENEBUSAN SYER**

Setiausaha membentangkan Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer. Rujuk Buku Lampiran muka surat 34 - 35.

- Dicadang oleh : Sdr. Hj. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).  
Disokong oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995).  
Keputusan : Mesyuarat setuju menerima dan meluluskan Aturan Kumpulan Wang Penebusan Syer.

### **f) ATURAN SKIM PELABURAN AR-RAHNU**

Setiausaha membentangkan Aturan Skim Pelaburan Ar-Rahnu. Rujuk Buku Lampiran muka surat 36 - 40.

- Dicadang oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886).  
Disokong oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839).

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

Keputusan : Mesyuarat setuju menerima dan meluluskan Aturan Skim Pelaburan Ar-Rahnu.

### **g) ATURAN JUAL BELI EMAS DENGAN BUKU SIMPANAN EMAS**

Setiausaha membentangkan Aturan Jual Beli Emas dengan Buku Simpanan Emas. Rujuk Buku Lampiran muka surat 41 - 48.

Sdr. Salehudin Shah meminta setiausaha menjelaskan kepada perwakilan berkenaan akaun bersama.

Setiausaha memaklumkan bahawa akaun bersama iaitu dua (2) nama dalam satu akaun tidak dibenarkan.

Dicadang oleh : Sdri. Salina Abdul Rahim (n.a 10390).

Disokong oleh : Sdr. Shukor Hj. Othman (n.a 2502).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan Aturan Jual Beli Emas dengan Buku Simpanan Emas.

## **AGENDA 7 : MENGESAHKAN**

### **a) PINDAAN ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2023**

### **b) ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2024**

Sdr. Fazleesham Mohd Yunus selaku Bendahari membentangkan kedua-dua laporan di atas. Rujuk Laporan Tahunan 2022 muka surat 126 – 127.

Dicadang oleh : Sdr. Kamaruzaman Mohd Salleh (n.a 8771).

Disokong oleh : Sdr. Salehudin Shah Shabudin (n.a 4488).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju menerima dan mengesahkan Pindaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2023 dan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun 2024.

## **AGENDA 8 : MELANTIK JURUAUDIT LUAR BAGI TAHUN 2023**

Pengerusi memaklumkan bahawa senarai nama Juruaudit Luar yang dicadangkan untuk dilantik adalah seperti berikut :-

- i) Al-Jeffri Dean Chartered Accountant.
- ii) Kamal Zahari & Co
- iii) A. Razak & Co.
- iv) Hisham & Co. Chartered Accountants (Malaysia) Berhad

Pada tahun kewangan 2022, KNSTP menggunakan khidmat juruaudit luar Hisham & Co.

Sdr. Roslan Baharuddin (n.a 1979) mencadangkan supaya ALK diberikan hak untuk memilih berdasarkan senarai di atas.

Sdr. Mohd Hidzir Md Ismail (n.a 4995) menyokong cadangan tersebut.

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi hak kepada ALK untuk memilih Juruaudit Luar bagi tahun 2023.

**AGENDA 9 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MEMINJAM WANG TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DENGAN KADAR FAEDAH PASARAN SEMASA**

Dicadang oleh : Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619).

Disokong oleh : Sdr. Mohamed Zulkifli Sulaiman (n.a 9839).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada Anggota Lembaga meminjam wang tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dengan kadar faedah pasaran semasa.

**AGENDA 10 : MEMBERI KUASA KEPADA LEMBAGA MELABUR TIDAK MELEBIHI RM300,000,000 (RINGGIT MALAYSIA : TIGA RATUS JUTA SAHAJA) DARI WANG LEBIHAN KOPERASI**

Dicadang oleh : Pn. Dauza Umat (n.a 4886)

Disokong oleh : Sdr. Mohd Hidzir Md. Ismail (n.a 4995).

Keputusan : Mesyuarat sebulat suara bersetuju memberi kuasa kepada Anggota Lembaga melabur tidak melebihi RM300,000,000 (Ringgit Malaysia : Tiga Ratus Juta Sahaja) dari wang berlebihan koperasi.

**AGENDA 11 : MENIMBANGKAN USUL DAN LAIN-LAIN PERKARA DI MANA NOTIS TELAH DIBERIKAN SECARA BERTULIS SEKURANG-KURANGNYA TUJUH (7) HARI SEBELUM TARIKH MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55**

Setiasaha memaklumkan bahawa koperasi menerima empat (4) usul dari perwakilan. Sila rujuk Buku Lampiran muka surat 49.

Empat (4) usul tersebut adalah seperti berikut :-

1. Barangan Pengguna (Contoh : Motosikal). Harap gunalah apa yang anggota dapat sebutharga rendah atau tinggi).

Pembawa Usul : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Setiasaha memaklumkan bahawa usul diterima. Pindaan Skim Pembiayaan Pengguna telah dibentangkan dan kadar caj perkhidmatan berbeza sekiranya membeli barangan selain dari panel KNSTP.

KNSTP juga akan menambah syarikat panel kerana komisen diterima dan terma kredit selama tiga puluh (30) hari dan panel akan mengeluarkan motosikal lebih awal.

2. Harapan anggota, setiap perwakilan perlu bergerak aktif bagi idea dalam menggerakkan dana koop (kalau nak dividen lebih).

Pembawa Usul : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Usul diterima. Semua perwakilan perlu memberi idea untuk kemajuan KNSTP.

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

3. Cari satu hari setiap perwakilan harus pakai baju Koop. Biar anggota nampak kewujudan Koop.

Pembawa Usul : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Usul diterima. Bagi ALK telah dilaksanakan dan perwakilan disyorkan memakai uniform KNSTP setiap hari Khamis.

Sdr. Muhammad Anis Abdullah (n.a 6619) memaklumkan bahawa syarat pemakaian ini bagus kerana apabila beliau memakai uniform KNSTP, ada anggota yang berkomunikasi dengan beliau untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang KNSTP.

Beliau mencadangkan supaya perwakilan diingatkan sehari sebelum dan menetapkan uniform yang perlu dipakai pada hari Khamis tersebut.

Cadangan tersebut diterima.

4. Buat Hari Bersama Anggota setiap bulan selepas gaji. Cth : Jualan Pasar Tani / Car Boot Sale / Food Truck.

Pembawa Usul : Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212)

Setiausaha memaklumkan bahawa setiap bulan, KNSTP akan membuka kaunter Hari Bersama Anggota di Sri Pentas dan NSTP Bangsar. Kerjasama juga akan diadakan dengan syarikat dan Kelab Media Prima bermula Jun 2023. Contoh : Pasar Seloka pada Isnin, 26 Jun 2023.

## CADANGAN / HAL-HAL LAIN

Cadangan dan perkara lain yang dibincangkan adalah seperti berikut :-

### 1. Skim Pembiayaan Jangka Panjang

Merujuk kepada Skim Pembiayaan Jangka Panjang yang dibekukan, Sdr. Mohd Firdaus Mohd Ali (n.a 9370) memohon cadangan penyelesaian dari pihak ALK dan mengesyorkan KNSTP menawarkan semula Skim Pembiayaan Tanpa Penjamin sebanyak RM5,000 kepada anggota.

Pengerusi memaklumkan bahawa Skim Pembiayaan Jangka Panjang dengan amaun yang besar masih dibekukan kerana risiko tinggi. Cadangan membuka semula Skim Pembiayaan Tanpa Penjamin RM5,000 diterima, namun masih tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa. Modal pusingan dalaman KNSTP terhad dan masih perlu membayar anggota berhenti dalam tempoh dua belas bulan akan datang sebanyak RM400,000. Sehingga Disember 2023, unit pembiayaan telah diminta untuk mempromosikan Skim Pembiayaan terutama Skim Pembiayaan Jangka Pendek. Pada masa ini, Skim Pembiayaan 70% atas caruman dibuka seperti biasa kerana caruman adalah cagaran atas pembiayaan dipohon.

Semua perwakilan perlu membantu KNSTP dalam usaha mengelakkan anggota berhenti.

### 2. Kerjasama Kelab Sukan NSTP dengan KNSTP

Sdr. Mohammad Anis Abdullah (n.a 6619) memaklumkan bahawa Kelab Sukan NSTP mempunyai peruntukan kewangan. Beliau mencadangkan supaya kerjasama dijalankan antara kelab dan KNSTP dalam penganjuran acara sukan. Antara yang dicadangkan adalah bowling dan badminton. Beliau memaklumkan peruntukan tersebut perlu digunakan pada tahun 2023.



Bagi tujuan tersebut, kertas kerja perlu disediakan dan dikemukakan kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman untuk kelulusan.

Pengerusi menerima baik cadangan tersebut. Sdr. Fazleesham Mohd Yunus (n.a 4270) dan Sdr. Baharuddin Ishak (n.a 6514) akan berbincang berkenaan cadangan ini dengan lebih lanjut di jawatankuasa masing-masing.

### 3. Penganjuran Acara Tahunan untuk Anggota

Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212) mencadangkan supaya KNSTP mengadakan acara tahunan seperti majlis apresiasi dan “Car Boot Sales”. Anggota yang berminat boleh menyertai program anjuran KNSTP.

Cadangan diterima.

### 4. Promosi Keanggotaan

Sdr. Khairi Abdul Khalid (n.a 8212) berharap semua perwakilan sentiasa menghebahkan maklumat tentang KNSTP dan menarik ramai kakitangan sebagai anggota KNSTP. Kakitangan di kaunter khidmat pelanggan KNSTP tidak memberikan maklumat berkenaan ahli keluarga dibenarkan menjadi anggota.

Pengerusi menyatakan bahawa perwakilan adalah bertanggungjawab untuk membantu KNSTP dari segi keanggotaan dan memberi maklumat berkenaan KNSTP. Hebahan telah dilaksanakan oleh pihak pengurusan KNSTP, namun tiada kesedaran dari anggota dan masih menganggap KNSTP sebagai tempat untuk meminjam sahaja. Salah satu perancangan mempromosikan keanggotaan adalah melantik wakil di setiap jabatan bagi tujuan tersebut.

## KOMEN DAN SARANAN PEGAWAI SKM

Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah SKM WP mengucapkan tahniah kepada ALK dan perwakilan KNSTP kerana telah selesai mengadakan MAPT dan telah mematuhi Akta yang ditetapkan. Beliau berbangga kerana Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman selaku Yang Dipertua KNSTP memainkan peranan dan memberi sokongan penuh kepada pengurusan KNSTP. Semua ALK dan perwakilan perlu sentiasa mempromosikan keanggotaan dan memberi maklum balas kepada anggota sekiranya ada pertanyaan. Beliau mengesyorkan supaya jalinan kerjasama diadakan dengan koperasi-koperasi lain. Diharap pada tahun 2023, KNSTP akan kembali memperolehi prestasi kewangan yang baik. Beliau akan membantu dari segi kelancaran proses Pindaan UUK yang dicadangkan.

## MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

### PENUTUP

Pengerusi menyatakan bahawa MAPT adalah kuasa tertinggi dalam sesebuah koperasi. Oleh itu, semua perwakilan, anggota lembaga dan kakitangan perlu menjalankan amanah untuk memajukan KNSTP.

Sebelum mengakhiri mesyuarat, pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada :-


**DATUK AHMAD ZAINI KAMARUZZAMAN**, Yang Dipertua KNSTP;  
**PN. NORLIZAWATI DAUD**, Penolong Pengarah SKM Wilayah Persekutuan;  
**PN. NURHAFIZA ABDUL WAHAB**, Pegawai Penyelia SKM Wilayah Persekutuan dan  
**HISHAM & CO**, Juruaudit Luar Koperasi  
di atas jasa baik dan nasihat yang diberikan.

**PENGURUSAN KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (M) BERHAD;**  
**KUMPULAN MEDIA PRIMA BERHAD;**  
**SUNLIFE MALAYSIA ASSURANCE BERHAD;**  
**ALLIANZ GENERAL INSURANCE COMPANY BERHAD;**  
**MALAY MAIL SDN BHD** dan  
**MEDIA TRAVEL & HOLIDAYS SDN BHD**  
yang telah memberi sokongan, bantuan dan kerjasama yang berterusan.

**ANGGOTA;**  
**ANGGOTA LEMBAGA;**  
**AHLI JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN;**  
**PERWAKILAN** dan  
**KAKITANGAN KOPERASI**  
serta orang perseorangan yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55 ditangguhkan jam 12:55 tengahari.

### DISEDIAKAN OLEH :



**RODZIAH JAMA'AH**  
Pencatat Minit  
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55



**AININ SOE'EA ABDUL BASID**  
Pencatat Minit  
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55

### DISEMAK OLEH :



**ABDUL RAHIM LLIN**  
Setiausaha  
Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-55

**MINIT MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55**

Minit Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Ke-55, yang diadakan pada hari Ahad, 25 Jun 2023 bermula jam 9:30 pagi di Bilik Teater (Theatrette), Tingkat Bawah, The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur; telah disemak dan ditentusahkan betul oleh Jawatankuasa Menentusah Minit di mesyuarat yang diadakan pada Khamis, 20 Julai 2023 jam 5:00 petang bertempat di Bilik Mesyuarat Koperasi NSTP (M) Berhad, Tingkat 1, 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur.



















BIL	NAMA	JAWATAN	NO. ANGGOTA	TANDATANGAN
1.	Mohd Fadzil Abdul Ghani	Pengerusi	6456	
2.	Fazleesham Mohd Yunus	Bendahari	4270	
3.	Baharuddin Ishak	Pen. Setiausaha	6514	
4.	Ahmad Shukran Hj. Mohamed Salleh	Pen. Bendahari	5222	
5.	Mohd Firdaus Mohd Ali	Perwakilan	9370	
6.	Mohd Rizan Akmar Taharuddin	Perwakilan	10117	
7.	Dauza Umat	Perwakilan	4886	
8.	Mohd Hidzir Md Ismail	Perwakilan	4995	
9.	Nazrul Affendi Che Ibrahim	Perwakilan	9931	
10.	Mohamed Zulkifli Sulaiman	Perwakilan	9839	

KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

SENARAI KEHADIRAN  
 MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN KE-55  
 KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD  
 TEMPAT : BILIK TEATER (THEATERRATE), NSTP BANGSAR  
 TARIKH : AHAD, 25 JUN 2023  
 MASA : 9.30 PAGI

BIL	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
	<b>ANGGOTA LEMBAGA</b>		
1	Mohd Fadzil Bin Abdul Ghani	6456	
2	Abdul Rahim bin Llin	5261	
3	Fazleesham Bin Mohd Yunus	4270	
4	Baharuddin bin Ishak	6514	
5	Ahmad Shukran bin Mohamed Salleh	5222	
6	Khairuzzaman Hj Mohammad	4915	
7	Salehudin Shah Shabudin	4488	
8	Mohamad Wafi Mohamad Arof	8485	TIDAK HADIR
9	Khairi Abdul Khalid	8212	
10	Ahmad Nizam Bin Eusof	5660	
11	Kamarulzaman Bin Mohd Salleh	8771	
	<b>JAWATANKUASA AUDIT DALAM</b>		
12	Mohd Hidzir Bin Md Ismail	4995	
13	Mohd Hafiz Bin Mohamad Ghazali	8424	
14	Rameshdev Singh a/l Gordeyap Singh	8176	TIDAK HADIR
15	Hj Shukor Hj. Othman	2502	
16	Mohd Rizan Akmar Bin Taharuddin	10117	
	<b>PERWAKILAN</b>		
17	Dauza Umat	4886	
18	Mohamad Bin Yahya	6786	TIDAK HADIR
19	Mohammad Anis Abdullah	6619	
20	Mohamed Zulfkifli Bin Sulaiman	9839	
21	Mohd Firdaus Bin Mohd Ali	9370	
22	Mohd Rizal Bin Shaari	8772	

KEHADIRAN MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN TAHUNAN KE-55

	NAMA	NO ANGGOTA	TANDATANGAN
23	Muhammad Asyadi B Omar	7692	
24	Nazrul Affendi Bin Che Ibrahim	9931	
25	Nor Azmi Bin Ali	6077	
26	Roslan Baharuddin	1979	
27	Salina Binti Abdul Rahim	10390	
28	Shahrul Azman Bin Sharip	8581	TIDAK HADIR
29	Zaiponizam Bin Hamzah	5968	TIDAK HADIR
30	Zolkefli Hamzah	3953	TIDAK HADIR
	<b>TURUT HADIR</b>		
31	Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Yang Dipertua Koperasi NSTP (M) Berhad		
	<b>SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA WILAYAH PERSEKUTUAN</b>		
32	Norlizawati binti Daud, Penolong Pengarah Nasional D SKM Wilayah Persekutuan		
33	Nurhafiza binti Abdul Wahab, Pegawai Penyelia Nasional D SKM Wilayah Persekutuan		
	<b>JURUAUDIT LUAR</b>		
34	Amir Faiz bin Rosni, Hisham & Co, Chartered Accountants		
	<b>KAKITANGAN</b>		
35	Rodziah binti Jama'ah	6768	
36	Ridzwan bin Ahmad	6826	
37	Amir Mat Kupli @ Kupli	6827	 25/06/23
38	Nor Amiza Azizi	9229	
39	Noorhazifah Mohd Aminoor	10179	
40	Ainin Sofea Abdul Basid	9849	
41	Ismadi Ismail	9919	
42	Nor Khairina Leela Nasaruddin	10042	
43	Muhammad Faiz Mohd Zaini	10527	

## LAPORAN LEMBAGA BAGI TAHUN 2023

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada semua anggota. Bagi pihak Anggota Lembaga, saya dengan sukacitanya, membentangkan Laporan Tahunan dan Kewangan Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad bagi tahun berakhir 31 Disember 2023.

### UCAPAN PENGHARGAAN

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman, Pengarang Urusan Kumpulan NSTP selaku Yang Dipertua Koperasi NSTP atas sokongan yang telah beliau berikan kepada koperasi. Penghargaan yang serupa juga ingin saya rakamkan kepada Tn. Haji Efendee O.P Andu , Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Cawangan Wilayah Persekutuan serta Pn. Norlizawati Daud, Penolong Pengarah Nasional D, Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan dan pihak pengurusan Kumpulan Media Prima Berhad, Sunlife Malaysia Assurance Berhad, Allianz General Insurance Company Malaysia Berhad, Malay Mail Sdn Bhd dan Media Travel & Holidays Sdn Bhd yang telah banyak memberi dorongan kepada KNSTP sehingga dapat bergerak dengan teratur dan sempurna serta mendapat keyakinan semua pihak.

### PENGURUSAN KOPERASI NSTP (M) BERHAD

Pengurusan KNSTP terdiri daripada dua belas (12) anggota lembaga dan sembilan belas (19) kakitangan. KNSTP menjalankan aktiviti iaitu pembiayaan kepada anggota, skim perlindungan diri dan keluarga, kedai runcit, pajak gadaai Islam (Ar-Rahnu X'Change), sewaan kedai pejabat dan penghantaran pos laju.

Kakitangan KNSTP turut terbahagi kepada empat (4) unit utama iaitu :-

- a. Unit Pentadbiran (Modal Insan, Penggajian, Pentadbiran, Keanggotaan, IT dan Sistem, Perhubungan Awam, Komunkasi, Pengurusan Hartanah/Bangunan, Kutipan Siberhutang & Litigasi)
- b. Unit Kewangan (Pembayaran, Pembiayaan Berjangka, Pelaburan, Kutipan & Terimaan)
- c. Unit Operasi (Pembiayaan, Skim Perlindungan, Coopmart, Kiosk, Bisnes atas talian, Pengurusan Risiko, Saville Kajang & Pemasaran Produk)
- d. Unit Ar-Rahnu (Operasi Ar-Rahnu Dataran Mentari & Bandar Seri Putra, Strategi Pemasaran & Komunikasi dengan Francaisor).

Bagi tujuan melancarkan operasi, memastikan prestasi koperasi meningkat dari masa ke semasa disamping mematuhi Akta Koperasi 1993 dan Peraturan, pengurusan Koperasi NSTP terbahagi kepada enam (6) Jawatankuasa Kecil seperti berikut :-

- a. Jawatankuasa Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan
- b. Jawatankuasa Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan
- c. Jawatankuasa Kutipan, Litigasi & Pengurusan Risiko
- d. Jawatankuasa Komersial, Bisnes & Coopmart
- e. Jawatankuasa Ar-Rahnu
- f. Jawatankuasa Keanggotaan, Kebajikan & Komunikasi

Laporan Jawatankuasa Kecil adalah seperti di muka surat berikutnya.

### PRESTASI KEWANGAN TAHUN 2023 & PEMBAHAGIAN BERKANUN

Sila rujuk Penyata Kewangan Berakhir 31 Disember 2023.

## MESYUARAT AGUNG KAWASAN

Mesyuarat Agung Kawasan telah diadakan pada Mei 2024 bagi tujuan pemilihan perwakilan untuk hadir Mesyuarat Agung Perwakilan Ke-56 & Ke-57. Butiran tarikh dan tempat adalah seperti di Lampiran A. Senarai perwakilan yang dipilih adalah seperti di Lampiran B.

## KEHADIRAN MESYUARAT ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

(Januari 2023 sehingga Disember 2023)

Bagi tahun 2023, anggota lembaga telah bermesyuarat sebanyak 16 kali. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran mesyuarat setiap anggota lembaga adalah seperti berikut : -

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani	16	16	-	100%
Abdul Rahim Llin	16	16	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	16	15	1	94%
Baharuddin Ishak	16	16	-	100%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	16	15	1	94%
Khairuzzaman Mohammad	16	11	4	69%
Salehudin Shah Shabudin	16	16	-	100%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	16	13	3	81%
Khairi Abd Khalid	16	14	2	87%
Ahmad Nizam Eusof	16	15	1	94%
Kamarulzaman Salleh	16	15	1	94%
Mohd Hidzir Md Ismail	8	8	-	100%
Zulfakar Wahib	1	1	-	100%

## KEHADIRAN MESYUARAT AHLI JAWATANKUASA KECIL KOPERASI

(Januari 2023 sehingga Disember 2023)

Setiap anggota lembaga akan menganggotai dua Jawatankuasa Kecil. Bagi tujuan membincangkan aktiviti, isu semasa dan perkara-perkara berkaitan dengan fungsi jawatankuasa masing-masing, Mesyuarat Ahli Jawatankuasa Kecil akan diadakan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Mesyuarat diadakan secara bersemuka dan atas talian. Kehadiran ahli jawatankuasa kecil adalah seperti berikut:-

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani	24	24	-	100%
Abdul Rahim Llin	24	24	-	100%
Fazleesham Mohd Yunus	24	24	-	100%
Baharuddin Ishak	24	24	-	100%
Ahmad Shukran Mohamed Salleh	24	24	-	100%
Khairuzzaman Mohammad	24	19	5	79%
Salehudin Shah Shabudin	24	23	1	96%
Mohamad Wafi Mohamad Arof	24	22	2	92%

## LAPORAN LEMBAGA TAHUN 2023

Nama	Jumlah Mesyuarat	Hadir	Tidak Hadir	Peratus Kehadiran
Khairi Abd Khalid	24	24	-	100%
Ahmad Nizam Eusof	24	22	2	92%
Kamarulzaman Salleh	24	23	1	96%
Mohd Hidzir Md Ismail	11	11	-	100%
Zulfakar Wahib	2	2	-	100%

Atas kehadiran dan tanggungjawab setiap Anggota Lembaga, Ahli Jawatankuasa Kecil dan Jawatankuasa Audit Dalaman yang dilantik, koperasi telah memberikan elaun sepertimana yang diperuntukkan di bawah Skim Perkhidmatan Anggota Lembaga & Jawatankuasa Audit Dalam Bab 7 : Elaun. Sila rujuk Nota-nota Kepada Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2023.

## PENUTUP

Alhamdulillah, KNSTP meraih keuntungan bagi tahun 2023. Dengan perubahan ini, ianya memberi semangat kepada pengurusan KNSTP untuk terus maju pada tahun-tahun berikutnya.

Pada Januari 2024, pengurusan KNSTP telah merangka Pelan Strategik bagi tahun 2024 – 2030 (PS30) bagi memastikan KNSTP terus maju seiring dengan visi KNSTP iaitu menjadi 50 Koperasi Terbaik pada tahun 2030.

Empat teras utama telah dikenalpasti untuk menjadi fokus utama bagi merealisasikan visi tersebut iaitu :-

1. Pengukuhan Identiti Koperasi
2. Kelestarian Kewangan & Perniagaan
3. Kecemerlangan Pengurusan
4. Kapasiti Organisasi

Setiap Anggota Lembaga & Pengurusan Kanan KNSTP telah diberikan pelan tindakan masing-masing yang perlu dicapai mengikut tempoh yang ditetapkan.

Saya yakin dengan sokongan dari semua anggota terutama perwakilan, KNSTP akan dapat mencapai matlamat ini.

Akhir kata, saya sekali lagi ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada anggota Koperasi, Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Persekutuan, Jawatankuasa Audit Dalaman, Juruaudit Luar, Wakil-wakil Koperasi, pihak pengurusan dan kakitangan koperasi yang telah memberi kerjasama, bimbingan dan sokongan kepada Koperasi sepanjang tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

### “MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,  
KOPERASI NEW STRAITS TIMES PRESS (MALAYSIA) BERHAD



**MOHD FADZIL HJ ABDUL GHANI**  
Pengerusi



# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEWANGAN, PENTADBIRAN, PENGURUSAN HARTANAH & MODAL INSAN BAGI TAHUN 2023

## AHLI JAWATANKUASA :

Pengerusi	: Fazleesham Mohd Yunus
Ahli	: Khairuzzaman Mohamed
	: Kamarulzaman Salleh
	: Mohd Hidzir Md Ismail
	: Azlina Ibrahim
	: Noorhazifah Mohd Aminoor

## OBJEKTIF :

1. Memastikan modal pusingan mencukupi bagi tujuan aktiviti perniagaan koperasi.
2. Memelihara kedudukan KNSTP supaya sentiasa meningkat dari masa ke semasa.
3. Sentiasa memberi sokongan pendidikan kepada anggota dan kakitangan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.
4. Memaksimumkan sumber KNSTP samada sumber manusia mahupun kemudahan yang ada.
5. Mengurangkan perbelanjaan dan meningkatkan pendapatan untuk memastikan dividen yang diberikan kepada anggota adalah peratusan yang terbaik.
6. Pengurusan hartanah secara efektif

## LAPORAN BAGI TAHUN 2023

### 1) KEWANGAN

Rujuk Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023.

### 2) PENTADBIRAN

#### BELIAN ASET

Dalam usaha melancarkan proses kerja dan meningkatkan perkhidmatan, KNSTP telah membeli aset tetap seperti berikut :-

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)
Peralatan, Perabot dan Kelengkapan			
1.	22/02/2023	Kelengkapan barangan keperluan kondominium Sri Tijanni untuk perkhidmatan travel stay.	290.80
2.	20/03/2023	Pembelian komputer untuk Coopmart	1,920.00
3.	15/05/2023	Pembelian sistem Buku Simpanan Emas	15,080.00
4.	31/03/2023	Pembelian 1 tangkai kunci emas – ARX Dataran Mentari	4,250.00

## LAPORAN JAWATANKUASA KECIL

BIL	TARIKH BELI	BUTIRAN ASET	JUMLAH (RM)
5.	29/05/2023	Pembelian komputer untuk kegunaan penaksir ARX Bdr Sri Putra	2,394.00
<b>JUMLAH</b>			<b>23,934.80</b>

### 3) PENGURUSAN HARTANAH

a) **Kondominium Servis Residensi Nadi Bangsar**

Alamat: Lot 28-5 Nadi Bangsar Residensi, Jalan Tanduk 59100 Kuala Lumpur  
Penyewa : Dr. Sharifah Suraya

b) **Kedai Pejabat 2 tingkat Saville Kajang, Kajang**

Alamat: Lot G-10, Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor  
Penyewa : Assakinah F & B & SAF HK Enterprise (berkongsi)

Alamat: Lot 01-10 Saville Kajang, Jalan Reko, 43000 Kajang, Selangor  
Penyewa : ZS Cahaya Sdn Bhd

c) **Kondominium Sri Tijanni, Sungai Buloh**

Alamat: Lot 12-09, Kondominium Sri Tijanni, Bukit Rahman Putra, 47000 Sungai Buloh, Selangor  
Penyewa : Tiada penyewa  
Perkhidmatan : Travel Stay

d) **Kedai Pejabat 3 Tingkat Bandar Seri Putra**

Alamat: No 26 Jalan Seri Putra ½ Bandar Seri Putra, 43000 Bangi, Selangor  
Tingkat bawah : Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP  
Penyewa tingkat 1 : Binaan Sri Jaya Sdn Bhd & Ocean Blue Sdn Bhd (berkongsi)  
Penyewa tingkat 2 : MyQeestore

e) **Kedai Pejabat Arena Mentari, Sunway**

Alamat: A-G-1 Blok A, Arena Mentari, Jalan PJS 8/15, Dataran Mentari, 46810 Petaling Jaya, Selangor  
Perniagaan Ar-Rahnu X'Change KNSTP

### 4) MODAL INSAN

#### KAKITANGAN

Empat kakitangan baru dilantik dan tempoh percubaan adalah selama 3 bulan.  
Butiran kakitangan yang dilantik adalah seperti berikut.

Kaunter Khidmat pelanggan – Jalan Riong

a) Nur Khairul Azree Hanim Binti Mohd Rosidi – 05 September 2023

Ar-Rahnu X'Change Dataran Mentari

a) Sitti Baizurah Binti Ab Hassad - 14 Ogos 2023

b) Ramona Binti Halmi - 15 November 2023

Ar-Rahnu X'Change Bandar Sri Putra

a) Nur Syahira Bt Abdul Aziz - 15 Mei 2023

Kakitangan Berhenti pada tahun 2023 adalah seperti berikut :-

a) Nazirah Binti Abdul Manap – 01 Jun 2023

- |                                   |   |
|-----------------------------------|---|
| b) Nur Syafiqah Binti Abdul Halim | - 01 September 2023 (Ditamatkan tempoh percubaan) |
| c) Mohd Nazri Bin Johari          | - 01 Jun 2023                                     |
| d) Nur Shahirah Binti Abdul Hamid | - 10 Ogos 2023                                    |
| e) Nur Ashieqin Binti Abd Malid   | - 19 Oktober 2023                                 |

Kesemua kakitangan di atas berhenti sebab mendapat peluang pekerjaan di syarikat lain.

### SKIM PERKHIDMATAN KAKITANGAN

#### PINDAAN ELAUN SARA HIDUP

Kakitangan yang diarahkan menjalani tugas atau/dan hadir kursus, seminar, bengkel, mesyuarat anjuran koperasi luar atau persatuan luar di luar kawasan pejabat atas arahan pengurusan dan jarak lokasinya melebihi 32km daripada pejabat bertugas, layak membuat tuntutan elaun:

Hari Bekerja Biasa : RM70.00 sehari  
(diberi jika program diadakan di luar KL dan Selangor sahaja)

Cuti Rehat dan Cuti Umum : RM100.00 sehari

#### SEMINAR DAN PELAJARAN

Bagi tujuan memantapkan lagi ilmu dalam mengembangkan perniagaan, setiap tahun, KNSTP akan menghantar anggota lembaga, jawatankuasa audit dalam dan kakitangan menjalani kursus yang berkaitan bagi melahirkan individu yang berpengetahuan serta berkebolehan dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Kursus dan seminar yang diikuti oleh Anggota Lembaga dan kakitangan KNSTP sepanjang tahun 2023.

Sila lihat Lampiran C.

### PENUTUP

ALHAMDULILLAH, walaupun dengan cabaran perniagaan yang sukar dan mencabar, KNSTP telah berjaya memperolehi Keuntungan bagi tahun berakhir 2023 berbanding tahun berakhir 2022 yang telah mengalami kerugian.

Saya percaya dengan berkat usaha dan sokongan semua pihak dari Pengurusan, Kakitangan, ALK, JKAD, Perwakilan dan Anggota, KNSTP akan lebih berdaya saing melalui Pelan Strategik yang telah dirancang. Insya Allah.

Sekian, terima kasih.

### “MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,  
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



#### FAZLEESHAM MOHD YUNUS

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Kewangan, Pentadbiran, Pengurusan Hartanah & Modal Insan

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL PEMBIAYAAN, SKIM PERLINDUNGAN & PELANCONGAN BAGI TAHUN 2023

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	: Fazleesham Mohd Yunus (sehingga Februari 2023) Ahmad Shukran Mohamed Salleh (mulai Mac 2023)
Ahli	: Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani : Khairi Khalid (mulai Ogos 2023) : Mohammad Wafi Mohammad Aroff : Ridzwan Ahmad : Nor Amiza Azizi

## OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan yang terbaik untuk membantu anggota mengurangkan bebanan ekonomi yang semakin meningkat.
2. Menawarkan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota dengan mewujudkan pelbagai jenis pembiayaan dan penjualan produk-produk dari luar mahupun anggota koperasi.
3. Memberi perkhidmatan, perlindungan & pembiayaan secara setempat (“one stop centre”).

Oleh itu, jkk akan sentiasa :

- a. Memastikan skim pembiayaan mengikut aturan yang telah ditetapkan.
- b. Merancang jenis pembiayaan dan perniagaan baru untuk anggota.
- c. Memastikan perkhidmatan kepada anggota diutamakan.
- d. Memastikan anggota mendapat perlindungan insuran yang terbaik

## LAPORAN BAGI TAHUN 2023

### 1) PEMBIAYAAN

Laporan pembiayaan diberi dan dibayar balik adalah seperti dalam Penyata Kewangan 31 Disember 2023.

- a) Secara keseluruhan, walaupun pendapatan dari pembiayaan kepada anggota menurun, namun, terdapat peningkatan pendapatan dari skim pembiayaan jangka pendek terutama Skim Pembiayaan Kecemasan dan Tunai Segera.
- b) Ini kerana, kenaikan had pembiayaan Skim Pembiayaan Tunai Segera dari RM500 ke RM600 dan Skim Kecemasan dinaikkan dari RM2,000 ke RM3,000 pada tahun 2023. Kedua-dua skim pembiayaan ini mendapat sambutan menggalakkan dari semua anggota.
- c) Skim pembiayaan jangka panjang seperti Skim Pembiayaan 70% atas caruman dan Skim Pembiayaan Pengguna masih ditawarkan kepada anggota. Dengan tawaran ini, didapati ada peningkatan pendapatan untuk tahun 2022 berbanding 2023.
- d) KNSTP juga terus membantu anggota yang mempunyai potongan tinggi dengan terus menawarkan Skim Pembiayaan Sara Hidup sebanyak RM1,000.

**2) KHIDMAT PELANGGAN**

- a) KNSTP sentiasa memberi perkhidmatan terbaik kepada anggotanya dengan membuka kaunter di dalam Coopmart, di Sri Pentas TV3 dan semasa program Seloka Media Prima.
- b) Selain memohon pembiayaan secara fizikal di kaunter, permohonan secara atas talian kerap dijamin oleh anggota iaitu menerusi whatsapp dan email. KNSTP sentiasa memberi perkhidmatan yang terbaik menerusi kedua-dua platform ini. Pemberitahuan perkhidmatan sentiasa disampaikan menerusi whatsapp, email dan media-sosial KNSTP.
- c) Inisiatif mempromosikan perkhidmatan insurans dan cukai jalan diteruskan iaitu secara talian dimana sekarang ini cukai jalan boleh didapati di applikasi JPJ. Anggota tidak perlu hadir ke KNSTP untuk mengambilnya.
- d) KNSTP telah meneruskan Program Cabutan Bertuah kepada anggota yang mengambil insurans kenderaan pada tahun 2023. Program ini dapat meningkatkan penyertaan pembaharuan insurans dan cukai jalan di KNSTP.

**3) PROMOSI INSURANS NYAWA TAKAFUL IDAMAN DARI TAKAFUL IKHLAS SDN BHD DAN PERANCANGAN PUSAKA, HIBAH DAN WASIAT DARI WASSIYAH SHOPPE**

Bagi mempromosikan kepada anggota kedua-dua skim diatas, KNSTP telah membuka kaunter promosi di Coop Mart dan Sri Pentas TV3 serta menerusi media sosial.

**PELAN STRATEGIK PEMBIAYAAN DAN INSURANS**

Pada Februari 2023, KNSTP telah mengadakan program Sumbang Saran dan telah mengenalpasti strategi pemasaran yang sesuai bagi tujuan meningkatkan pendapatan pembiayaan dan Insurans. Antaranya adalah menawarkan Skim Pembiayaan Peribadi Tanpa Penjamin sebanyak RM5,000 dan promosi Skim Pembiayaan Jangka Pendek, serta had pembiayaan Skim Pembiayaan Insuran & Cukai Jalan dinaikkan dari RM4,000 ke PM 5,000. Manakala, bagi insurans pula, promosi dipergiatkan lagi dengan email dan 'whatsapp' kepada anggota.

**PENUTUP**

JKK akan sentiasa berbincang bagi tujuan meningkatkan pendapatan dari pembiayaan serta menambahbaik mutu perkhidmatan terutama urusan di kaunter dan komunikasi dengan anggota. Promosi berterusan akan dilaksanakan agar anggota memperoleh perkhidmatan yang terbaik. Dengan cara ini, anggota menjadi lebih peka dengan aktiviti KNSTP dan seterusnya KNSTP dapat menjana lebih keuntungan serta memberi lebih manfaat kepada anggota.

Sekian, terima kasih.

**“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,

Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



**AHMAD SHUKRAN HAJI MOHAMED SALLEH**

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Pembiayaan, Skim Perlindungan & Pelancongan

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KUTIPAN, LITIGASI DAN PENGURUSAN RISIKO BAGI TAHUN 2023

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	: Abdul Rahim Bin Llin
Ahli	: Baharuddin Ishak
	: Mohd Hidzir Md Ismail
	: Ahmad Nizam B Eusof
	: Ridzwan Ahmad
	: Azlina Ibrahim

## PENGENALAN

JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko ditubuhkan bertujuan untuk memperolehi semula kutipan atas tunggakan baki pembiayaan dari siberhutang (peminjam yang berhenti syarikat dan meninggalkan baki pembiayaan).

## OBJEKTIF

1. Melaksanakan pengurusan kutipan bayaran balik baki pembiayaan dan berusaha meningkatkan kutipan setiap bulan serta mengurangkan baki tunggakan pembiayaan.
2. Mengeluarkan notis secara konsisten dan berperingkat.
3. Melaksanakan strategi kutipan yang sesuai termasuk tindakan undang-undang.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2023

### 1) KUTIPAN

#### PRESTASI

Perbandingan Kutipan bagi tahun 2022 & 2023:-

BULAN	2022	2023
JANUARI	8,729.02	9,260.00
FEBRUARI	30,799.60	7,166.00
MAC	9,078.08	9,751.00
APRIL	27,518.40	8,419.00
MEI	48,179.98	7,607.80
JUN	5,554.20	19,377.68
JULAI	6,312.40	35,187.17
OGOS	10,067.20	7,172.00
SEPTEMBER	19,181.94	7,480.00

BULAN	2022	2023
OKTOBER	20,268.49	5,980.00
NOVEMBER	16,559.61	25,427.21
DISEMBER	10,857.00	9,659.22
<b>JUMLAH</b>	<b>213,105.92</b>	<b>152,487.08</b>

Perbezaan penurunan sebanyak RM60,618.84 kerana pada tahun 2022, ramai peminjam menyelesaikan pembiayaan sepenuhnya berbanding tahun 2023. Amaun yang diterima kebanyakannya adalah secara ansuran bulanan.

#### STRATEGI MENGURANGKAN BAKI PEMBIAYAAN SIBERHUTANG

- Memberi penerangan kepada siberhutang tentang kelebihan penyelesaian awal dimana ianya lebih menjimatkan berbanding membayar ansuran setiap bulan.
- Tindakan potongan gaji penjamin kepada penjamin-penjamin yang masih bekerja di syarikat.
- Senarai hitam nama siberhutang menerusi CTOS bagi memastikan bayaran dibuat oleh penghutang setiap bulan.
- Meneruskan kerjasama dengan peguam Tetuan Nurhayati & Mahfuzah
- Melantik peguam, Nik Saghir & Ismail bagi tujuan melaksanakan tindakan undang-undang ke tribunal dengan lebih berkesan.
- Meneruskan kerjasama dengan agen pengutip hutang.
- Penjamin menyelesaikan bahagian tanggungan sebagai penjamin menerusi caruman di KNSTP.
- Menawarkan diskaun atas penyelesaian baki pembiayaan kepada siberhutang yang dikenalpasti.

## 2) LITIGASI

Tindakan yang telah dilaksanakan termasuk perundangan pada tahun 2023 adalah seperti berikut :-

JENIS TINDAKAN	BILANGAN ANGGOTA
Menerima Award / Daftar Award di Mahkamah	14
Selesai Bayaran	9
Senarai Hitam (CTOS)	12
Senarai Hitam (Experian)	30
Potongan Gaji Penjamin	15

## 3) PENGURUSAN RISIKO

#### FUNGSI

Pengurusan Risiko merupakan satu fungsi bebas yang bertanggungjawab bagi mengenalpasti, menilai, memantau dan melaporkan risiko yang timbul daripada operasi koperasi termasuk dari aktiviti utama.

## LAPORAN JAWATANKUASA KECIL

### KAWALAN PENGURUSAN RISIKO

- a. Permohonan Skim Pembiayaan Jangka Panjang masih dibekukan kecuali Skim Pembiayaan 70% caruman & Skim Pembiayaan Pengguna.
- b. Cadangan menaikkan had pembiayaan kecemasan dari RM2,000 kepada RM3,000 diluluskan dan syarat adalah tertakluk kepada caruman dan kelayakan potongan gaji anggota.

## PENUTUP

Inshaallah, JKK Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko akan mempelbagaikan cara atau kaedah untuk mempertingkatkan jumlah kutipan setiap masa dan memastikan tiada lagi risiko dalam apa jua urusan kelak.

Sekian, terima kasih.

### “MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,  
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



**ABDUL RAHIM LLIN**

Pengerusi

Jawatankuasa Kecil Kutipan, Litigasi dan Pengurusan Risiko



# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KOMERSIL, BISNES & COOPMART BAGI TAHUN 2023

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	: Baharuddin Ishak
Ahli	: Fazleesham Mohd Yunus (sehingga Februari 2023)
	: Ahmad Nizam Bin Eusof
	: Salehuddin Shah Shabudin (bermula Mac 2023)
	: Amir Bin Mat Kupli
	: Ridzwan Ahmad
	: Abdul Syahid bin Abdul Mutalib
	: Ismadi Ismail

## OBJEKTIF

1. Kenal pasti projek dan perniagaan baru yang berpotensi (berkualiti & jangka panjang)
2. Melaksanakan projek perniagaan sedia ada dengan lebih efektif

## LAPORAN BAGI TAHUN 2023

### 1) PENGIKLANAN

Tajaan iklan dari pembekal dan rakan niaga di dalam Buku Laporan Tahunan.

### 2) COOP MART

Prestasi pendapatan adalah berdasarkan Laporan Kewangan 31 Disember 2023.

Pendapatan meningkat disebabkan kepelbagaian produk yang dijual, jualan daging sempena Aidilfitri, pembekalan untuk program Ar-Rahnu serta program Infaq.

Langkah strategik yang dilaksanakan pada tahun 2023 adalah

- a. Perubahan posisi kedudukan rak di Coopmart untuk menarik minat pelanggan untuk masuk ke Coopmart;
- b. Sistem pengumpulan mata ganjaran diberi kepada setiap anggota yang membeli barang; dan
- c. Kerani Jualan Coop Mart dihantar ke Kursus Eksekutif Peruncitan anjuran IKMA bagi meningkatkan pengetahuan tentang pengurusan kedai runcit.

### 3) PERKHIDMATAN POS LAJU

Bermula Julai 2023, operasi Pos di Lot 10, Saville Kajang di Jalan Reko, Kajang, Selangor telah berpindah ke Coop Mart, Balai Berita Bangsar. Selain perkhidmatan penghantaran menerusi Pos Laju, pelanggan dan anggota juga boleh menggunakan khidmat dari Syarikat DHL.

## LAPORAN JAWATANKUASA KECIL

### 4) PERNIAGAAN BARU (KOMERSIL)

Pada tahun 2023, KNSTP telah memperkenalkan satu produk baru iaitu KNSTPGOLD (bar emas 1 gram) kepada anggota dan orang ramai. Selain dari itu Buku Simpanan Emas (BSE) juga ditawarkan kepada anggota.

Perkhidmatan lain yang ditawarkan adalah sewa kenderaan dan cucian karpet kereta dan rumah.

KNSTP juga mengambil inisiatif dengan membuat keputusan membeli mesin kopi bagi tujuan meningkatkan pendapatan.

## PELAN STRATEGIK PERNIAGAAN COOP MART DAN KOMERSIL

Pada Februari 2023, KNSTP telah mengadakan program Sumbang Saran dan telah mengenalpasti beberapa aktiviti yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan prestasi perniagaan Coop Mart dan Komersil.

Antara aktiviti yang telah dilaksanakan adalah perubahan susun atur Coopmart mengikut keperluan yang mampu menarik pelanggan. Bagi komersil pula, kajian dari masa ke semasan tentang bidang perniagaan francais seperti Richiamo. Bagi perancangan jangka panjang, perniagaan baru yang dicadangkan adalah dobi dan stesen minyak.


## PENUTUP

Secara keseluruhan, pada tahun 2023, KNSTP sentiasa komited dalam perniagaan dan sudah pun terbukti dengan melaksanakan beberapa projek baru seperti KNSTP Gold serta Buku Simpanan Emas (BSE). Langkah seterusnya adalah mencari peluang perniagaan baru bagi menjana pendapatan dan sentiasa menambah nilai perniagaan sedia ada walaupun menghadapi pelbagai cabaran seperti anggota yang semakin berkurangan, sumber dana yang terhad, kenaikan harga barang, inflasi, persaingan dan keadaan ekonomi yang makin mencabar.

Sekian, terima kasih.

### “MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”

Bagi pihak,  
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



**BAHARUDDIN ISHAK**

Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Komersil, Bisnes & Coopmart

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL AR-RAHNU BAGI TAHUN 2023

## AHLI JAWATANKUASA

Pengerusi	: Fazleesham Mohd Yunus
Ahli	: Mohd Fadzil Hj Abdul Ghani
	: Salehudin Shah Shabudin
	: Mohamad Wafi Mohamad Arof
	: Rodziah Jama'ah
	: Amir Mat Kupli @ Kupli

## OBJEKTIF :

1. Berkebiasakan menawarkan peluang pembiayaan Mikro Kredit kepada masyarakat setempat.
2. Menjana Pendapatan yang barakah serta memberi pembiayaan berlandaskan syariah

## LAPORAN BAGI TAHUN 2023

### PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE - DATARAN MENTARI (ARX DM)

BUTIRAN	2022 (RM )	2023 ( RM )
Nilai Marhun	10,306,079	14,378,276
Gadaian di dikeluarkan	8,012,644	11,226,320
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	493,884	716,484
Bayaran upah simpan yang diterima	1,104,225	1,117,201
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	9,254,691	10,424,053

### PRESTASI AR-RAHNU X'CHANGE – BANDAR SERI PUTRA (ARX BSP)

BUTIRAN	2022 (RM )	2023 ( RM )
Nilai Marhun	9,036,978	12,993,150
Gadaian di dikeluarkan	7,098,380	10,126,801
Jangkaan upah simpan (6 bulan)	444,922	653,212
Bayaran upah simpan yang diterima	616,723	800,812
Bayaran ansuran/tebus/lanjut tempoh yang diterima	6,250,793	8,143,347

## LAPORAN JAWATANKUASA KECIL

### PERBANDINGAN PRESTASI BAGI TAHUN 2022 & 2023

- Nilai marhun dan gadaian tahun 2023 meningkat sebanyak 39.5 peratus untuk ARX Dataran Mentari manakala ARX Bandar Seri Putra meningkat sebanyak 43.78 peratus.
- Ia disebabkan peningkatan harga emas dunia dari pertengahan 2022 sehingga penghujung tahun 2023.
- Pelanggan telah menggunakan kelebihan kenaikan harga emas dengan membuat pinjaman bertindih (“Overlapping”) dengan kadar margin 80% daripada pinjaman terdahulu.
- Peningkatan dari tahun ke tahun ARX Bandar Sri Putra mendokong peningkatan bagi keseluruhan prestasi kedua-dua cawangan ARX KNSTP.
- JKK telah menetapkan alternatif baru bagi meningkatkan jumlah gadaian. Program galakan seperti membawa pelanggan baru dari luar terutama daripada Kedai Pajak Gadai Konvensional telah memberi impak positif kepada kenaikan nilai gadaian.
- JKK juga telah membuat satu program tahunan untuk kedua-dua Cawangan iaitu Pengurusan Acara. Tujuan utama adalah untuk memperkenalkan ARX DM & ARX BSP kepada masyarakat setempat. Dengan menggunakan dana pemasaran, KNSTP telah melaksanakan dua program Mewarna Bersama UNEH kepada anak-anak pelanggan ARX DM & ARX BSP.
- Secara keseluruhan, kedua-dua cawangan ARX KNSTP telah menunjukkan peningkatan yang positif. Peningkatan ini disebabkan pelbagai faktor terutama dari segi peningkatan harga emas dunia pada awal tahun 2023 berbanding pada tahun sebelumnya, perubahan Sistem Baru untuk produk Ar-Rahnu (Sistem Tawarruq) dan komited pihak pengurusan Koperasi NSTP dalam menaikkan imej Pajak Gadai Islam dimata masyarakat setempat.

### SASARAN DAN PERLAKSANAAN AR-RAHNU BAGI TAHUN 2024

Bagi tujuan meningkatkan perniagaan dan mutu perkhidmatan, JKK akan :-

- Memastikan modal pusingan mencukupi dalam anggaran RM1 juta sebulan untuk kedua-dua cawangan ARX KNSTP iaitu Dataran Mentari dan Bandar Seri Putra.
- Melaksanakan Program Tahunan seperti pemberian kurma sempena ramadan dan pemberian hamper kepada pelanggan yang membuat gadaian RM15,000 keatas.
- Perlaksanaan kutipan kurangan lelongan secara berjadual.
- Penjualan produk “Prelove” bagi menjana pendapatan sampingan kepada ARX KNSTP.
- Kempen Cabutan bertuah kepada pelanggan yang membayar upah simpan secara berjadual setiap bulan.

### **PENDAPATAN & PERBELANJAAN 2022 VS 2023**

Laporan Pendapatan & Perbelanjaan untuk ARX KNSTP bagi Tahun 2022 & 2023 adalah seperti di Laporan Kewangan 31 Disember 2023.

Kesimpulannya adalah perniagaan pajak gadai Islam Ar-Rahnu X'Change (ARX) mempunyai potensi yang besar sebagai penyumbang pendapatan utama dalam aktiviti perniagaan KNSTP. Pihak pengurusan KNSTP akan fokus dalam meningkatkan pengetahuan keberadaan ARX kepada anggota dan masyarakat setempat secara amnya.

### **PENUTUP**

JKK akan sentiasa berusaha untuk meningkatkan perniagaan supaya terus maju sehingga memperoleh penganugerahan sebagai francais terbaik.

Sekian, terima kasih.

### **“MAJU KOPERASI ANGGOTA BAHAGIA”**

Bagi pihak,  
Koperasi New Straits Times Press (Malaysia) Berhad



**FAZLEESHAM MOHD YUNUS**

Pengerusi  
Jawatankuasa Kecil Ar-Rahnu

# LAPORAN JAWATANKUASA KECIL KEANGGOTAAN, KEBAJIKAN & KOMUNIKASI BAGI TAHUN 2023

## AHLI JAWATANKUASA :

Pengerusi	: Abdul Rahim Llin
Ahli	: Khairuzzaman Mohammad
	: Khairi Abdul Khalid
	: Kamaruzaman Mohd Salleh
	: Rodziah Jamaah
	: Nazirah Abdul Manap (sehingga 31 Mei 2023)
	: Ismadi Ismail

## OBJEKTIF :

1. Sebagai penghubung antara KNSTP dengan anggota dan rakan niaga.
2. Mengkaji dan merancang tindakan untuk mengurangkan pemberhentian anggota.
3. Menghebahkan dan mempromosi maklumat tentang KNSTP kepada semua anggota.
4. Memberi pendidikan kepada anggota melalui medium bacaan.
5. Memastikan kebajikan anggota terpelihara.

## LAPORAN BAGI TAHUN 2023

### 1) KEANGGOTAAN

JKK sentiasa mempertingkatkan keanggotaan melalui strategi seperti berikut:-

- a. Kaunter promosi keanggotaan setiap bulan di Sri Pentas & NSTP.
- b. Kempen keanggotaan kepada pekerja syarikat – pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM10.00
- c. Kempen keanggotaan kepada ahli keluarga - pencadang akan menerima baucar Coop Mart bernilai RM50.00

### 2) KEBAJIKAN

#### SKIM PERLINDUNGAN DIRI DAN KELUARGA

#### SKIM TAKAFUL IDAMAN – TAKAFUL IKHLAS BERHAD

